

Temubual Eksklusif

YBhg. Prof Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi



boleh membawa satu perspektif yang berbeza kalau dibandingkan dengan orang yang berada di dalam UNIMAS. Mungkin bagi sesetengah orang apa yang saya bawa itu agak ganjil dan sedikit berbeza seperti mana amalan biasa di sini. Saya tangani perkara itu dengan cara saya memberi penerangan. Sebab itu saya suka menggunakan kaedah *engagement explanation and expectation*. Saya mengambil peluang memberi penerangan, berinteraksi dan juga memberi *expectation* kepada semua yang terlibat. Pertama kali terlintas di fikiran saya ketika itu dengan perasaan bercampur baur dan menjadikan saya teruja ialah berpeluang menerajui sebuah universiti komprehensif. Jika di UTeM ia merupakan sebuah universiti yang berfokuskan kepada bidang teknikal sahaja, manakala UNIMAS merupakan sebuah Universiti yang mempunyai pelbagai bidang dan disiplin yang diakui ramai; misalnya dalam bidang biodiversiti dan ICT. Saya ingin merakam setinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala usaha yang telah dilakukan oleh mantan Naib Canselor yang lepas iaitu YBhg Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid yang telah membawa UNIMAS ke satu tahap yang sangat baik dan kerja saya dianggap agak mudah sedikit kerana Datuk Khairuddin telah membawa UNIMAS ke satu landasan yang begitu baik dengan peningkatan pelajar yang begitu mendadak dari 8000 ke 13000 orang pada ketika itu dan beberapa pencapaian besar yang signifikan oleh UNIMAS di persada antarabangsa. Saya rasa kita perlu memberi pengiktirafan kepada Prof Datuk Khairuddin atas kepimpinan beliau.

S• Kami begitu tertarik dengan tag line Prof Dato', "UNIMASku Sayang", boleh Prof Dato' kongsi kan mungkin ada rahsia di sebaliknya yang cuba Prof Dato' terapkan?

J• Asasnya senang, sebenarnya macam orang sedang bercinta, bila kita cinta, kita sayang, kita kasih akan seseorang dan itulah orang yang kita paling sayangi sebenarnya. Saya memberikan satu perspektif yang hampir sama iaitu, UNIMAS itu dekat di hati dan perlu disayangi oleh semuaarganya. Sebagai sebuah keluarga yang besar kita patut menyayangi UNIMAS dan ini secara tidak langsung kita meletakkan kepentingan Universiti lebih daripada yang lain, daripada kepentingan peribadi, fakulti, jabatan, dan lebih pentingnya ialah Universiti itu sendiri. Kita perlu berpegang UNIMAS ku sayang itu mestilah UNIMAS sentiasa dekat di hati dan diberi keutamaan baik dalam melakukan tugas dan membuat keputusan.

S• Kami ingin bertanya kepada Prof Dato' bagaimana UNIMAS boleh mengambil peluang dengan media sosial terkini, misalnya dengan *Facebook*, *Twitter*,

S• Assalamualaikum Prof Dato', terima kasih kerana sudi menerima kunjungan pihak PKMA untuk menjayakan temubual eksklusif ini. Belum terlambat rasanya bagi kami untuk mengucapkan tahniah di atas perantukan sebagai Naib Canselor UNIMAS yang baharu dan selamat kembali ke UNIMAS, ibarat sirih pulang ke gagang. Apakah perasaan Prof Dato' apabila kembali semula ke UNIMAS sebagai seorang Naib Canselor dan apa yang pertama sekali terlintas di fikiran Prof Dato' ketika itu?'

J• Terima kasih kerana sudi menemubual saya untuk edisi *mycais@unimas*. Sebenarnya, saya tidak pernah merancang untuk kembali semula ke UNIMAS. Bila saya menerima surat perantukan tersebut, ia menjadi satu kejutan kepada saya dan keluarga. Perasaan saya bercampur baur antara gembira dan tidak. Gembira kerana pertama kalinya diberi peluang menerajui sebuah universiti di negeri sendiri dan sebaliknya terpaksa meninggalkan tempat kerja sedia ada dan juga keluarga. Walau bagaimanapun, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana diberi peluang sebagai Naib Canselor UNIMAS yang merupakan di antara 20 IPTA di Malaysia. Saya mengambil ini sebagai perkara positif iaitu inilah peluang saya menyumbangkan khidmat bakti saya kepada UNIMAS dan negeri Sarawak. Saya pernah berkhidmat selama

sembilan tahun pada awal penubuhan UNIMAS dan bersama-sama membangunkan UNIMAS bersama rakan-rakan seangkatan pada ketika itu. Ini juga yang

mendewasakan saya bagaimana saya menyumbang khidmat dalam pentadbiran dan pengurusan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka, UTeM. Selain itu pengalaman dan pengurusan di UTeM juga banyak membantu saya dan menyediakan saya sebagai Naib Canselor UNIMAS. Saya kena akui, sebagai orang luar UNIMAS, saya



Blog, Instagram boleh menaikkan visibiliti UNIMAS di persada antarabangsa, sebab ada juga yang mengatakan media sosial sebegini membuang masa?

J• Saya sendiri memang menyokong penggunaan media sosial dalam meningkatkan visibiliti UNIMAS, malah saya sendiri pun ada *FB Vice Chancellor Universiti Malaysia Sarawak*, setiap peristiwa dan perkongsian berkaitan UNIMAS saya kongsi bersama dan ini merupakan sedikit usaha saya untuk meningkatkan visibiliti dan nama UNIMAS dan saya berharap pihak lain terutama di kalangan warga turut berbuat demikian walaupun saya tiada *Twitter* dan *Instagram*. Penggunaan media sosial memang sangat penting dan ini dipelopori oleh pemimpin peringkat Pusat, YAB Perdana Menteri Datuk Seri Najib selalu menyebut perkara ini. Malaysia juga mencatatkan rekod penggunaan *FB* yang tertinggi di dunia. Kalau ada yang mengatakan media sosial itu membuang masa, terpolanglah, itu perspektif masing-masing tapi pada saya ia amat berguna untuk meningkatkan visibiliti UNIMAS. Saya selalu menyebut kepada barisan Pengurusan Universiti, kita mesti menggunakan apa jua kaedah untuk kita membawa UNIMAS ke satu tahap yang lebih tinggi dari hari ini.

S• Apa pesan Prof Dato' kepada generasi hari ini apabila menggunakan media sosial, terutama kepada keluarga besar kita di UNIMAS ini?

J• Sememangnya... "Jangan Salah Gunakan", perkara yang paling kita takuti di dalam media sosial ini ialah *misinterpretation*, dan penyalahgunaan untuk menyampaikan maklumat yang salah yang akhirnya memberikan impak negatif kepada organisasi. Jadi sekali lagi diingatkan kita mesti menggunakannya dengan bertanggungjawab, penuh integriti dan akauntabiliti. Penggunaan yang betul akan memberi visibiliti berimpak positif dan jangan sesekali menyalahgunakannya kerana ia akan memberi kesan negatif terutama melibatkan nama organisasi.

S• Apakah pandangan dan aspirasi Prof Dato' mengenai peranan dan fungsi PKMA sebagai sebuah pusat maklumat ataupun menara ilmu untuk menyokong sistem pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan UNIMAS agar terus cemerlang pada masa akan datang?

J• Saya merasakan, kita di UNIMAS ini membuat keputusan yang tepat, bila di peringkat awal dahulu kita menggunakan nama *Centre for Academic Information Services* atau Pusat Khidmat Maklumat Akademik daripada menggunakan Perpustakaan. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada YBhg Datuk Zawawi Ismail, mantan Naib Canselor yang pertama di atas penggunaan nama CAIS ini kerana dari situ lagi beliau telah membuat *mind setting*, bahawa perpustakaan itu bukan

terdiri satu koleksi buku yang tersusun di rak sahaja tetapi satu tempat untuk mencari maklumat dan dalam pelbagai media dan dapat diakses di mana-mana melalui penggunaan teknologi, hari ini maklumat di hujung jari.

Saya melihat UNIMAS keterhadapan dalam perkara ini. Dari segi penggunaan teknologi dalam membantu aktiviti berkaitan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Cuma saya ingin lihat Sistem Repositori Institusi dan Sistem pengurusan penyelidikan diintegrasikan dan bersepadu agar semua maklumat boleh diakses melalui *one stop centre*. Saya berharap CAIS dan CICTS dapat bekerjasama dalam menjayakan perkara ini. Apa jua penerbitan UNIMAS seperti jurnal dan tesis berada di situ dan mudah diakses. Saya tahu ada di antara sistem yang "tidak boleh bercakap" antara satu sama lain. Kita ada IRIS iaitu sistem berkaitan penyelidikan dan sistem ini mesti berintegrasikan dengan sistem IR dan lain-lain. Jika boleh semasa permohonan penyelidikan, sudah dimasukkan dalam IRIS dan segala bentuk hasil disimpan dalam IRIS dan boleh diakses bila-bila masa. Semuanya perlu saling berintegrasikan agar pencarian di *Google Scholar* dapat dihubungkan dengan sistem kita dan ini akan meningkatkan lagi *webometric* kita. Jika perlu kita gunakan *Open Source* seperti mana kebanyakan IPTA yang lain.

S• Untuk menjadi sebuah organisasi yang cemerlang, apakah pendapat dan nasihat Prof Dato' di dalam mengetengahkan budaya kerja cemerlang yang berkesan bagi mendapatkan hasil yang boleh membangunkan sesebuah organisasi yang bersumberkan maklumat dan ilmu pengetahuan, khususnya PKMA?

J• Ini merupakan soalan cepu emas ni, tiada jawapan yang khusus untuk soalan ini, tetapi penggunaan teknologi sangat kita alu-alukan. Malahan saya selalu tekankan bahawa ICT merupakan satu media yang harus kita mantapkan. Saya pernah bercakap dengan pihak CICTS bahawa infrastruktur teknologi kita harus diperkuatkan agar akses kepada maklumat dapat dipermudahkan. Ini kerana ia akan membawa kita ke satu tahap kecemerlangan yang lain. Jika kita mudah mendapatkan maklumat, mudah juga untuk kita berkongsi maklumat. Dari aspek sebuah universiti, kita merupakan sebuah organisasi yang menjana ilmu. Ilmu yang dijana tetapi jika tidak dikongsi itu tidak berguna. PKMA perlu memainkan peranan agar ilmu yang dijana universiti itu dapat dikongsi seramai yang mungkin melalui teknologi. PKMA juga perlu melihat aspek ini dan perlu bekerjasama dengan pihak yang menyediakan infrastruktur dan ICT.

S• Daripada persepsi sebagai seorang pemegang taruh, apakah yang Prof Dato' harapkan daripada PKMA untuk 3 ke 5 tahun yang akan datang?

"Kita perlu berpegang UNIMAS ku sayang itu mestilah UNIMAS sentiasa dekat di hati dan diberi keutamaan baik dalam melakukan tugas dan membuat keputusan."

J• PKMA memainkan peranan yang amat besar dalam perkongsian dan penyebaran maklumat yang dihasilkan di universiti kepada masyarakat umum untuk menaikkan kredibiliti UNIMAS. Untuk membantu warga universiti meningkatkan aktiviti mereka dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi serta khidmat kepada masyarakat luar perlu diberi perhatian. Kita semua sedia maklum UNIMAS sebagai sebuah universiti awam yang pertama di Sarawak, adalah menjadi tuntutan kepada kita membantu kerajaan negeri khususnya melibatkan *SCORE (Sarawak Corridor for Renewable Energy)*. Terdapat segelintir orang yang memberi kepentingan kepada "ranking" dan "rating". Pada saya apakah sebenarnya objektif universiti ini ditubuhkan di Kota Samarahan, Sarawak?. Itulah yang menjadi objektif utama kita untuk membantu negeri Sarawak seiring dengan negeri-negeri lain. Saya tidak risau sekiranya kita dinombor 500 atau 600 sekalipun. Yang penting kita jelas tentang objektif kita. Kita berada di hati rakyat dan UNIMASku Sayang.



S• Boleh Prof Dato' kongsi peranan kita di UNIMAS dalam "Community Engagement"?

J• Ia merupakan bagaimana kehadiran universiti dirasai masyarakat sekeliling. Bukan yang berada di Kota Samarahan sahaja, tetapi di seluruh negeri Sarawak. Saya mementingkan tentang "community engagement" ataupun interaksi dengan komuniti. Bukan setakat komuniti sekeliling kita, tetapi ia membawa bermacam-macam maksud misalnya komuniti industri, komuniti desa, komuniti kampung, komuniti sekolah, komuniti pihak berkuasa tempatan. Jangan menganggap komuniti itu dalam perspektif yang kecil. Perlu ada "engagement" di antara UNIMAS dengan pihak luar. Kehadiran universiti harus dirasai oleh pihak di luar sana.

S• Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Prof Dato' kerana meluangkan masa bersama kami pada hari ini.

J• Terima kasih kembali kepada *mycais@unimas* kerana sudi menemubual saya.